

## Program Singgah Labur ASNB di 158 lokasi

Oleh Irwan Shafrizan Ismail - Julai 1, 2022 @ 5:59pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



KUALA LUMPUR: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) melancarkan program Singgah Labur yang antara lain membolehkan orang ramai mendapatkan khidmat nasihat pelaburan di 158 lokasi terpilih seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNB, Mohammad Hussin, berkata program dijalankan syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) itu akan bermula di Perak pada 13 Julai ini dan berakhir di Selangor pada 30 September depan.

"Sepanjang program, pelbagai kemudahan disediakan untuk pelabur ASNB seperti pendaftaran akaun unit amanah dan membuat pelaburan tambahan menerusi kiosk disediakan.

"Orang ramai boleh mengambil peluang bertemu dengan pasukan ASNB bagi mendapatkan khidmat nasihat pelaburan terutamanya berkaitan aplikasi mudah alih myASNB dan maklumat tentang perancangan pelaburan secara terus daripada pegawai kami," katanya dalam kenyataan hari ini.

Program dilancarkan oleh Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn bersama Mohammad.

Beliau berkata, program itu turut memberi peluang kepada ASNB mendekati pelabur selepas lebih dua tahun aktiviti di lapangan terhenti berikutan pandemik COVID-19.

"Rangkaian cawangan ejen yang meluas membolehkan pelabur kami membuat urus niaga dengan lebih mudah.

"Melalui program ini, kami dapat memberi sokongan kepada ejen dengan menyediakan fasiliti tambahan bagi mereka yang ingin mendaftar akaun baharu atau mendapatkan penerangan berkaitan perancangan pewarisan seperti Hibah Amanah dan Wakaf ASNB," katanya.

Selain itu Mohammad berkata, ASNB turut menganjurkan program Bicara Wakaf di masjid terpilih di 11 negeri untuk menyampaikan perkongsian ilmu berkaitan wakaf dan perancangan pewarisan.

"Kita tampilkan penceramah terkenal, antaranya Datuk Noh Gadot, Ustaz Datuk Badli Shah Alauddin, Ustaz Md Ghazali Ibrahim dan ramai lagi," katanya.

Maklumat lanjut lokasi Singgah Labur dan Bicara Wakaf akan dikemaskini menerusi laman web rasmi di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) dan laman media sosial rasmi ASNB.